

26 JUL 2000

Mahathir-Pelancongan

DR MAHATHIR MAHU SEKTOR PELANCONGAN PEKA ISU ALAM SEKITAR

KOTA KINABALU, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta pelbagai pihak yang ingin membangunkan produk pelancongan berasaskan alam semulajadi di negara ini supaya sentiasa peka terhadap isu tertentu yang boleh mendedahkan negara kepada kritikan pihak luar.

Beliau berkata isu-isu sepaerti kebersihan air, pencemaran sungai, tanah runtuh dan pembalakan haram perlu diberi perhatian ketika merancang pembangunan sesuatu destinasi pelancongan.

"Kita sedar bahawa usaha memasarkan alam semulajadi sebagai tarikan pelancongan adalah amat sensitif dan akan membuka peluang kepada pelbagai kritikan dan tuduhan, terutamanya daripada pihak barat, bahawa kita merosakkan alam semulajadi.

"Justeru itu, mana-mana pihak yang ingin membangunkan projek pelancongan eko hendaklah mempunyai sikap bertanggungjawab dan prihatin terhadap penjagaan alam sekitar," kata beliau semasa merasmikan Sutera Harbour Resort, sebuah pusat peranginan utama, di sini.

Pusat peranginan itu, yang terletak di kawasan seluas 156 hektar dan hanya lima minit pemanduan dari pusat bandar, mempunyai dua hotel bertaraf lima bintang, padang golf, marina, pusat persidangan dan pameran serta kemudahan rekreasi yang luas.

Selain kemudahan berkaitan peranginan, Sutera Harbour, yang pelancarannya juga disempurnakan Perdana Menteri pada Julai 1994, akan turut dilengkapi unit-unit kediaman mewah.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus memastikan industri pelancongan diurus berlandaskan konsep pembangunan mapan dan pada masa yang sama menerokai bidang lain yang boleh menjadi produk pelancongan.

"Industri pelancongan amat luas dan tidak tertumpu kepada kegiatan percutian dan bersantai, malah ia meliputi aktiviti lain yang mungkin dianggap sesetengah pihak sebagai tiada kena mengena dengan pelancongan," katanya.

Sebagai contoh, katanya, bidang pelancongan sukan yang membawa pulangan lebih lumayan serta memberi faedah bukan sahaja kepada penganjur tetapi juga kepada negara.

Ini termasuk acara sukan antarabangsa yang dianjurkan di negara ini seperti lumba kereta Formula 1, Sukan Komanwel, lumba basikal Le Tour de Langkawi dan Trofi Larian Gunung Sedunia, kata beliau.

Menurutnya kerajaan juga berusaha menangani masalah yang boleh melembabkan pertumbuhan sektor pelancongan negara seperti krisis mata wang pada 1997 dan 1998 serta beberapa peristiwa seperti jerebu yang menjejaskan kedatangan pelancong.

Hasil usaha itu, kedatangan pelancong ke negara ini telah meningkat kepada 7.93 juta tahun lepas berbanding 5.55 juta pada 1998, katanya.

"Sektor pelancongan juga menjana RM12.3 bilion pada 1999 berbanding RM8.58 bilion pada 1998 manakala jumlah penawaran bilik juga bertambah kepada 109,413 bilik tahun lepas berbanding 107,791 pada 1998," kata beliau.

Dr Mahathir turut menghuraikan strategi promosi pelancongan negara yang bermula pada 1990 dengan usaha menyedarkan secara umum bahawa Malaysia adalah destinasi pelancongan, diikuti dengan promosi berasaskan acara-acara seperti Tahun Melawat Malaysia dan kemudian usaha untuk memasarkan keunikan produk pelancongan negara.

Strategi terbaru ialah dengan memberi penekanan terhadap kekayaan budaya masyarakat pelbagai kaum di negara ini melalui kempen "Malaysia-Truly Asia" serta penekanan terhadap sektor pelancongan dalam negeri.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, menteri-menteri kabinet negeri serta ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri.

-- BERNAMA

JS HAK NAK